



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
DAN  
PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ARAHAN- ARAHAN  
PERATURAN AM

Dikeluarkan Oleh:  
Bahagian Peperiksaan dan Penilaian  
Jabatan Pengajian Politeknik

## **PENGENALAN**

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik METrO Johor Bahru ini disediakan sebagai maklumat yang perlu diketahui dan garis panduan kepada peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di politeknik.

Panduan dan peraturan yang terkandung dalam buku panduan ini termasuklah apa-apa panduan dan peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa serta apa-apa kaedah atau peraturan lain yang bersifat am atau khusus yang dikeluarkan oleh politeknik atau mana-mana pihak berkuasa dari semasa ke semasa adalah terpakai kepada semua pelajar di sepanjang tempoh pengajian di politeknik.

## **1. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR**

“**Pendaftaran**” di sini membawa maksud melapor diri untuk mengikuti pengajian seterusnya di politeknik. Pelajar dikehendaki melapor diri seperti mana yang diarahkan. Kegagalan pelajar mengikuti arahan tersebut adalah merupakan satu kesalahan tata tertib.

### **1.1 MAKLUMAT AM**

1.1.1 Syarat Pendaftaran Pelajar Senior Memenuhi Satu daripada syarat-syarat berikut :

- a. Mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB), Kedudukan Bersyarat (KS) atau Mengulang Semester (MS).
  
- b. Mendapat kelulusan penangguhan pengajian bagi semester sebelumnya atau pertukaran kursus.

1.1.2 Makluman Tarikh Pendaftaran

Makluman akan dibuat sebelum Peperiksaan Akhir Semester bermula dan tarikh pendaftaran akan dimaklumkan kepada pelajar melalui:

- (a) Penyelaras Hal Ehwal Pelajar Jabatan
- (b) Laman Web Politeknik
- (c) Pekeliling yang dihantar melalui Wakil Kelas masing-masing

## 1.2 KEPERLUAN PENDAFTARAN

Pelajar dikehendaki membawa perkara-perkara berikut semasa mendaftar:

1.2.1 Satu daripada dokumen asal berikut:

- a. Slip keputusan peperiksaan;
- b. Surat/Slip pengesahan tamat menjalani Latihan Industri;
- c. Surat kelulusan penangguhan pengajian; atau
- d. Surat kelulusan pertukaran kursus

1.2.2 Kad Pelajar.

1.2.3 Kiriman Wang Untuk Yuran Pengajian.

1.2.4 Kiriman Wang Untuk Asrama (jika ditawarkan).

1.2.5 Kiriman Wang untuk Yuran Pelbagai (seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan pendaftaran).

## 1.3 PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA MENDAFTAR

Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam digalakan menutup aurat. Semua jenis pakaian hendaklah tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.

1.3.1 Berkasut serta berstokin.

1.3.2 Rambut mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah

pendek. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depatidak melebihi paras dahi.

1.3.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai topi, baju „T□ tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

### PERINGATAN:

Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan pakaian dan rupadiri seperti yang dinyatakan di atas **TIDAK** akan didaftarkan.

## 2. BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Politeknik **TIDAK** menyediakan biasiswa atau sebarang bantuan kewangan. Walaubagaimanapun pelajar boleh memohon biasiswa/bantuan kewangan melalui politeknik atau memohon sendiri daripada mana-mana penaja.
- 2.2 Pelajar bertanggungjawab menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.
- 2.3 Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (jika layak) memohon biasiswa/pinjaman dari Yayasan Negeri masing-masing **sebelu mendaftar** diri di politeknik.
- 2.4 Pelajar yang layak juga boleh memohon dari Tabung Kebajikan Bekas Perajurit dan Tabung Kebajikan Bekas Polis.
- 2.5 Pelajar digalakkan membawa beberapa salinan fotostat dokumen peribadi yang telah disahkan untuk urusan permohonan biasiswa/pinjaman termasuklah salinan fotostat kad pengenalan dan penyata pendapatan ibu bapa/penjaga.

## 3. KAD PELAJAR

- 3.1 Kad Pelajar mestilah **sentiasa** dipakai semasa berada di dalam kampus.
- 3.2 Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas.
- 3.3 Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan bahagian gambarnya di hadapan.
- 3.4 Kad Pelajar **TIDAK** boleh diconteng, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai.
- 3.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain.
- 3.6 Pelajar yang Kad Pelajarnya hilang/rosak/tamat tempoh perlu memohon yang baru kepada Pegawai Hal-Hal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh politeknik.

## 4. RUPADIRI

Pelajar hendaklah **sentiasa** berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam digalakkan berpakaian menutup aurat.

## 4.1 RUPADIRI PELAJAR LELAKI

### 4.1.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal

- a) Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- b) Baju „T□ berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju „T□ tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- c) Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- d) Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- e) Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- f) Berseluar „slack□.
- g) Berkasut dan berstokin.
- h) Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- i) Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

### 4.1.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- b. Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

		
<b>TIDAK MELEBIHI KOLAR BAJU</b>	<b>TIDAK MENUTUPI TELINGA</b>	<b>TIDAK MENUTUPI DAHI</b>

## 4.2 RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

### 4.2.1 Pakaian Ke Kelas/Bengkel/Makmal

Pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai „skirt“ yang lebih pendek dari paras lutut. Baju „T“ berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju „T“ tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan. Berseluar yang tidak ketat. Selipar, terompah, kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK** dibenarkan. Kasut yang berladam logam yang berbunyi juga **TIDAK** dibenarkan.

### 4.2.2 Rambut

- Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
- Pelajar Islam digalakkan memakai tudung

### 4.2.3 Perhiasan

Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan.

## 4.3 PAKAIAN UNTUK RIADAH

Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran.

### Penampilan Rupadiri Pelajar Lelaki/Pelajar Perempuan



## 5. MENGHADIRI KULIAH/BENGGEL

Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan kursus pengajiannya dan MESTILAH:

- 5.1 Kehadirannya tidak kurang 80%;
- 5.2 Berada dalam bilik kuliah/bengkel mengikut jadual yang ditetapkan;
- 5.3 Mendapat kebenaran bertulis Ketua Jabatan untuk tidak hadir;
- 5.4 Memberi alasan bertulis yang munasabah untuk mendapat kelulusan ketidakhadirannya dari pihak politeknik sekiranya perkara (c) di atas tidak diperolehi terlebih dahulu.

## 6. KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

- 6.1 Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan kampus Politeknik.
- 6.2 Segala kemudahan yang disediakan oleh politeknik hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat, selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan yang digunakan.
- 6.3 Pelajar hendaklah menjaga atau memelihara semua kemudahan yang terdapat di politeknik supaya kepentingan pelajar lain juga terpelihara.
- 6.4 Pelajar dipertanggungjawab untuk menentukan/memastikan semua suis lampu /kipas /alat hawa dingin/ komputer/ mesin di „offkan  sebelum meninggalkan kelas/bengkel/makmal/dewan kuliah.

## 7. HARTA BENDA

Perbuatan merosakkan harta benda politeknik seperti perabot, peralatan dalam bilik/makmal/bengkel, kenderaan rasmi politeknik atau menconteng dinding/notis rasmi/pekeliling rasmi atau merosakkan tanaman di dalam kampus adalah menjadi suatu kesalahan tatatertib.

## 8. PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/BADAN/ PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

- 8.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Menteri atau wakil kuasanya.
- 8.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bingkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang diharamkan.
- 8.3 Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah.
- 8.4 Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam ataupun di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah.



## 9. BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI

- 9.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
- 9.2 Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau diluar kampus.
- 9.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengedar, membahagi-bahagi atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk tujuan mendapat/tanpa bayaran atau apa-apa balasan lain.
- 9.4 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah rekabentuk atau dimaksudkan untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan cucuk atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa dadah atau racun.
- 9.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan meminum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk di dalam atau luar kampus.
- 9.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengurus, menganjur, atau menjalankan, atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian, pertaruhan atau loteri di dalam atau di luar kampus

## 10. GANGGUAN KETENTERAMAN

- 10.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan sama ada di bilik kuliah / dewan kuliah / bengkel / makmal / perpustakaan / pejabat pentadbiran atau berhampiran dengannya.
- 10.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar- pelajar menentang pihak berkuasa politeknik
- 10.3 Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) atau peti cadangan.

## 11. PENCERAMAH LUAR

Pelajar mestilah mendapat **kebenaran bertulis** daripada Pengarah sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/perbincangan kepada pelajar di dalam atau di luar politeknik. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.

## **12. KESALAHAN–KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN / PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK**

Di antaranya ;

- 12.1 Mencedar nama baik politeknik, kakitangan atau pelajarnya sama ada di dalam atau di luar kampus politeknik dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- 12.2 Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di politeknik.
- 12.3 Merosak, mencacat (vandalisme) harta benda milik politeknik, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
- 12.4 Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar politeknik daripada menjalankan tugasnya yang sah.
- 12.5 Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tata tertib di dalam atau di luar kampus.
- 12.6 Menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar kampus dengan tujuan untuk menghasut atau memburuk-burukkan politeknik atau pihak lain.
- 12.7 Menjalankan perniagaan/perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak politeknik.
- 12.8 Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai politeknik, kakitangan atau pelajarnya.
- 12.9 Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak politeknik tanpa melalui saluran yang ditetapkan.
- 12.10 Terlibat dengan perjudian, pertaruhan atau loteri.
- 12.11 Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras/bahan kimia yang memabukkan/mengkhayalkan.
- 12.12 Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
- 12.13 Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah.
- 12.14 Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
- 12.15 Mengingkari arahan sah pihak berkuasa tata tertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan politeknik yang diberi kuasa.
- 12.16 Memalsukan tanda tangan atau cop rasmi pihak berkuasa politeknik atau pihak lain yang terlibat dengan politeknik.
- 12.17 Melakukan ugutan atau `ragging` pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 12.18 Berkelakuan biadab dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar politeknik atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.
- 12.19 Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 12.20 Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhalwat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah sama ada di dalam atau di luar kampus.

- 12.21 Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks yang dilarang.
- 12.22 Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon secara haram di mana-mana kawasan kampus.
- 12.23 Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
- 12.24 Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit dan lain-lain.
- 12.25 Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
- 12.26 Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual.
- 12.27 Terlibat dengan pemboikotan/pemulauan aktiviti sah politeknik.
- 12.28 Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di luar atau di dalam kampus politeknik.
- 12.29 Menimbul/menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.
- 12.30 Memungut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.
- 12.31 Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan atau pertubuhan yang diharamkan oleh politeknik atau kerajaan.

### 13. LARANGAN MEROKOK

Pelajar **DILARANG** merokok di mana-mana kawasan kampus politeknik.

### 14. HAL-HAL LAIN

- 14.1 Pelajar **TIDAK** boleh terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengarah adalah tidak diingini.
- 14.2 Pelajar politeknik dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej politeknik sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 14.3 Pelajar digalakkan menggunakan peti cadangan yang disediakan untuk memberi cadangan.
- 14.4 Pelajar yang bukan penghuni asrama **TIDAK** dibenarkan berada di asrama lelaki atau perempuan atau menggunakan segala kemudahan yang terdapat di asrama kecuali kafeteria atau surau.
- 14.5 Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang Khas Peperiksaan, bengkel, woksyp, makmal, perpustakaan, asrama dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh politeknik dari semasa ke semasa.
- 14.6 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

### 15. PERATURAN KAMSIS / ASRAMA

Politeknik METrO Johor Bahru **TIDAK** menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar.

## 16. PERATURAN PELAJAR LUAR KAMSIS / ASRAMA

- 16.1 Pelajar mestilah mematuhi semua Peraturan Am Politeknik yang berkuatkuasa sepanjang tempoh pengajian/kursus/latihan di politeknik.
- 16.2 Pelajar yang menetap/menyewa di luar kawasan kampus mestilah berkelakuan baik, berhemah tinggi dan sentiasa memelihara suasana harmoni di kawasan sekeliling rumahnya.
- 16.3 Sebarang bunyi-bunyian seperti radio/televisyen/gitar yang dipasang/dimainkan hanya sekadar boleh didengar dalam rumah sahaja dan tidak mengganggu jiran-jiran sebelah / sekeliling.
- 16.4 Kebersihan dan keselamatan harta benda adalah tanggungjawab bersama penghuni rumah tersebut.
- 16.5 Pelajar lelaki dan pelajar perempuan **TIDAK** dibenarkan tinggal serumah.
- 16.6 Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki rumah pelajar perempuan dan begitu juga sebaliknya.
- 16.7 Pelajar **TIDAK** digalakkan berkumpul di luar kawasan rumah.
- 16.8 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mempamerkan simbol atau bendera mana-mana parti politik di kawasan rumahnya.
- 16.9 Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Politeknik dan Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Penduduk Setempat.

## 17. PERATURAN PERPUSTAKAAN

### 17.1 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

- 17.1.1 **DILARANG** bercakap kuat serta membuat bising sehingga boleh mengganggu pengguna-pengguna lain.
- 17.1.2 **DILARANG** makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.
- 17.1.3 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana buku, majalah atau apa-apa bahan cetak kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
- 17.1.4 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada barang tersebut.
- 17.1.5 **DILARANG** mengguna telefon mudah alih.
- 17.1.6 Pengguna-pengguna mestilah mematuhi peraturan-peraturan mengenai bilangan buku-buku yang boleh dipinjam dan bertanggungjawab ke atas pemulangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 17.1.7 Peminjam bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Bagi bahan-bahan yang dihilangkan, peminjam akan dikenakan bayaran harga semasa sebagai kos gantian bahan tersebut. Dalam kes-kes di mana gantian tidak mungkin, Jawatankuasa Perpustakaan akan menentukan harga gantian kes demi kes.
- 17.1.8 Penggantian kad baru akan dikenakan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Politeknik.

- 17.1.9 **DILARANG** membawa masuk beg ke dalam perpustakaan.
- 17.1.10 Pengguna perpustakaan hendaklah menunjukkan semua barang termasuk beg tangan, folder dan sebagainya kepada petugas perpustakaan untuk diperiksa sebelum keluar dari perpustakaan.
- 17.1.11 Semua pertukaran alamat pengguna hendaklah dimaklumkan kepada pihak perpustakaan.
- 17.1.12 Pengguna hendaklah berpakaian yang sesuai mengikut Peraturan Am Politeknik.

## 17.2 PINJAMAN BUKU PERPUSTAKAAN

Pengguna layak meminjam buku daripada koleksi pinjaman dan koleksi pinjaman terhad. Cara meminjam adalah seperti berikut:

### 17.2.1 Koleksi Pinjaman

Untuk meminjam buku-buku koleksi ini, pengguna hendaklah menulis nama dan bahagian (kakitangan), nombor pendaftaran (pelajar) pada kad buku yang terdapat di dalam buku yang hendak dipinjam. Serahkan buku, kad serta kad pinjaman perpustakaan kepada kakitangan di kaunter untuk diuruskan pinjaman tersebut.

### 17.2.2 Koleksi Pinjaman Terhad

Untuk meminjam buku-buku dari koleksi ini, sama seperti pinjaman biasa cuma tempoh pinjaman lebih singkat.

### 17.2.3 Tempahan

Pengguna boleh menempah buku-buku yang dipinjam oleh pengguna lain dengan mengisi borang tempahan. Pengguna akan diberitahu melalui papan kenyataan di perpustakaan.

## 17.3 BILANGAN BUKU DAN TEMPOH PINJAMAN

KATEGORI	BILANGAN BUKU	TEMPOH PINJAMAN
Koleksi Pinjaman	2 Buah	2 minggu
Koleksi Terhad	1 Buah	1 hari

## **17.4 HAL–HAL LAIN**

- 17.4.1 Pihak perpustakaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang-barang persendirian yang diletak atau tertinggal di dalam/luar perpustakaan.
- 17.4.2 Petugas perpustakaan berhak mengarah sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan perpustakaan atau peraturan Politeknik untuk keluar dari perpustakaan.
- 17.4.3 Pihak perpustakaan berhak meminta pengguna memulangkan bahan-bahan pinjaman walaupun belum tamat tempoh pinjamannya.
- 17.4.4 Penggunaan ruang perpustakaan untuk tujuan lain perlu mendapat kelulusan Politeknik.
- 17.4.5 Pertanyaan berkaitan dengan perpustakaan boleh dikemukakan kepada Pegawai Perpustakaan.
- 17.4.6 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

## **18. PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN DAN PERATURAN LALULINTAS**

### **18.1 KENDERAAN RASMI POLITEKNIK**

- 18.1.1 Pelajar boleh menggunakan kenderaan politeknik bagi tujuan rasmi dengan memohon dan mendapat kelulusan daripada Pengarah.
- 18.1.2 Pengguna kenderaan politeknik adalah dikehendaki menjaga kebersihan, kemudahan yang terdapat dalam kenderaan serta menjaga disiplin dan tingkahlaku.

### **18.2 KENDERAAN PERSENDIRIAN**

- 18.2.1 Kenderaan bermotor persendirian boleh digunakan di dalam kampus setelah didaftarkan dan mendapat kelulusan bertulis daripada pihak politeknik.
- 18.2.2 Semua kenderaan bermotor yang digunakan untuk keluar masuk kampus mestilah mempamerkan pelekat kenderaan yang sah yang dikeluarkan oleh politeknik.
- 18.2.3 Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan dalam kampus dan disusun dengan teratur. Pelajar tidak dibenarkan meletak kenderaan mereka di tempat yang dikhaskan untuk pensyarah/kakitangan politeknik.
- 18.2.4 Pihak politeknik tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan (termasuk topi keledar) yang rosak atau hilang di dalam kampus.
- 18.2.5 Semua kenderaan yang digunakan mestilah berada di dalam

keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

18.2.6 Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor dalam kampus perlu mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- a) Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insurans yang sah.
- b) Mematuhi had laju yang telah ditetapkan oleh politeknik.
- c) Menggunakan kenderaan bermotor yang **TIDAK** mengeluarkan bunyi bising atau yang diubahsuai.
- d) Memakai topi keledar semasa menunggang atau membonceng motosikal.
- e) Memakai baju pantul cahaya semasa menunggang/ membonceng motosikal adalah digalakkan.
- f) Bertimbangrasa terhadap pejalan kaki.
- g) Mematuhi semua peraturan dan undang-undang bertulis keselamatan jalanraya seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan.

18.2.7 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

### **18.3 HUKUMAN KESALAHAN LALULINTAS**

Pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan lalulintas boleh dikenakan:

18.3.1 Tindakan secara pentadbiran seperti yang ditentukan oleh pihak politeknik dan/atau

18.3.2 Hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah AKTA 174.

Jika denda dikenakan, bayaran hendaklah menggunakan Wang Pos atau Kiriman Wang atas nama Pengarah.

### **19. PELANGGARAN PERATURAN**

Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut :

19.1 Tindakan secara pentadbiran sebagaimana yang ditentukan oleh politeknik dan/atau

19.2 Kaedah-kaedah tatatertib mengikut mana-mana yang berkenaan [(Kaedah 48, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174)].

### *“Hukuman Tata tertib”*

Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tata tertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali :

### *“Hukuman”*

- i. amaran;
- ii. Denda tidak lebih daripada **lima ratus ringgit** (RM500.00);
- iii. penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- iv. penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan ;
- v. penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di Institusi ;
- vi. penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- vii. pembuangan daripada Institusi, oleh pihak berkuasa tata tertib”.